



Kertas Konsep

PENYELIDIKAN: PANTUN MELAYU BRUNEI PENYEBARANNYA DI KEPULAUAN BORNEO DAN PESISIRNYA


1. PENGENALAN

- 1.1 Setiap bangsa, pada umumnya memiliki identiti gaya pengucapan yang puitik dan tersendiri untuk menyampaikan sesuatu yang berkaitan dengan perasaan, pandangan dan pemikiran. Misalnya orang Jepun dengan identitinya, iaitu tanka dan haiku, orang Inggeris menyampaikan melalui soneta dan kuatrin, orang Parsi menggunakan ghazal dan rubai'e. Manakala, orang Melayu menggunakan pantun dan syair.
- 1.2 Pantun sebagai representasi budaya masyarakat Melayu, umpamanya pemikiran, emosi dan sentimennya. Pada dasarnya penciptaan pantun begitu akrab dengan alam. Alam dijadikan sebagai simbol dan latar kehidupan masyarakat Melayu sehingga melahirkan ungkapan 'Alam Berkembang Menjadi Guru'.
- 1.3 Pantun sebagai khazanah bangsa yang perlu dikumpul dan dipelihara. Justeru, atas rasa tanggungjawab dan kasih terhadap identiti dan khazanah bangsa orang Melayu ini Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei Darussalam melalui Bahagian penyelidikan, Dokumentasi dan Pengiktirafan khususnya Unit Penyelidikan dengan kerjasama Universiti Brunei Darussalam mengambil inisiatif untuk melakukan penyelidikan terhadap pantun Melayu Brunei yang berterabur di Kepulauan Borneo dan pesisirnya khususnya di kawasan Negara Brunei Darussalam, Sabah dan Sarawak.
- 1.4 Penyelidikan ini juga diusahakan atas dasar menyahut saranan dan pemikiran Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Diraja Dato Seri Setia Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan Negara Brunei Darussalam.

2. RASIONAL

2.1 Senario Dunia:

Isu Global masa kini salah satunya adalah fenomena 'cultural war' atau peperangan budaya. Umumnya, 'cultural war' adalah konflik yang berlaku di kalangan masyarakat yang memiliki perbezaan idea, falsafah, kepercayaan, dan tingkah laku. Pada masa yang sama, peperangan budaya ini menyasari terhadap pemilikan budaya (ownership of the culture). Maksudnya, akibat



dari beberapa faktor yang menyebabkan pemerakuan budaya umpamanya kesan migrasi dan transmigrasi. Akhirnya, masing-masing yang memperakui sesuatu budaya tersebut. Apabila budaya menjadi subjek isu sekarang turut mengheret kekacauan terhadap identiti atau jati diri bangsa. Ini kerana budaya memainkan peranan penting dalam menentukan jati diri sesuatu bangsa. Budaya merangkumi tradisi, seni, ilmu pengetahuan, tingkah laku, adat, kepercayaan, amalan, bahasa, sastera dan sebagainya dan setentunya mempunyai nilai-nilai murni dan moral yang tinggi. Oleh itu, budaya itu penting dipelihara, diperteguh, dimartabat, dipraktikkan dan sebagainya demi kelangsungan dan kesinambungan jati diri sesuatu bangsa.

2.2 Rasional dengan Negara Brunei Darussalam:

Isu perang budaya atau 'cultural war' yang bersifat pemerakuan ini tampiasnya juga terhadap bangsa dan negara Brunei. Apabila budaya tergugat dan dipersoalkan khususnya budaya Brunei akan memberi kesan terhadap jati diri orang Brunei. Jati diri orang Brunei itu adalah nilai-nilai kebruneian yang memberi roh atau jiwa jelama Brunei yang diwarisi, diajar, diamalkan buat sekian lama. Oleh sebab itu nilai-nilai keBruneian itu terkandung dalam falsafah kehidupan orang Brunei yang berkonsepkan Melayu Islam Beraja. Adalah menjadi tanggungjawab semua untuk mempertahankan, menanamkan, meneruskan, mengekalkan, memperteguh konsep Melayu Islam Beraja. Apa yang berlaku sekarang ini, pemerakuan budaya Brunei berlaku umpamanya lagu rakyat Brunei sudah diperakui sebagai milik budaya tradisi di Sabah sekalipun masyarakat Brunei di sana. Kemudian Pengiran Shahbandar Pengiran Mohammad Salleh dan karyanya Syair Rakis juga menjadi perakuan milik tokoh dan budaya negeri Sarawak. Kalau sebegini yang berlaku nescaya orang Brunei akan miskin budaya. Sedangkan budaya itu penting. Untuk mengelak berlarutan wajarlah orang Brunei bertindak cepat secara professional menangani isu sebegini. Oleh itu, penyelidikan ini perlu dilaksanakan dengan memulakan koleksi bahan iaitu pantun yang dituturkan oleh orang Brunei tanpa mengira aspek geo-politikanya sehingga diteliti untuk mendapatkan ciri-ciri istimewa pantun Brunei. Sungguhpun pantun ini sebenarnya milik bersama dan tidak ada nama pengarang namun desakan isu identiti yang bermula dari pergolakan budaya mewajarkan untuk mengenal pasti atau mengkategorikan bahawa pantun yang dikumpul dan diteliti itu adalah pantun Brunei kerana mengandungi nilai-nilai kebruneian, falsafah kebruneian, diksi kebruneian, puitika kebruneian dan sukut kebruneian.

3. OBJEKTIF

- 3.1 Menjejaki penyebaran pantun Melayu Brunei di Kepulauan Borneo.
- 3.2 Meneliti pantun Melayu Brunei.
- 3.3 Mencirikan keaslian pantun Melayu Brunei.
- 3.4 Mewujudkan Brunei sebagai sebuah hub dokumentasi dan rujukan pantun Melayu Borneo.

4. BAHAN DAN SKOP PENYELIDIKAN

4.1 Menjejaki penyebaran pantun Melayu Brunei bukan sekadar di Negara Brunei Darussalam tetapi juga meliputi kepulauan Borneo, iaitu Negara Brunei Darussalam, Kalimantan, Negeri Sabah, Negeri Sarawak, dan Wilayah Persekutuan Labuan.

4.2 Bahan kajian ini adalah pantun Melayu yang memfokuskan Pantun Melayu Brunei. Pantun Melayu Brunei iniditurkan oleh masyarakat Brunei yang menetap/bermastautin di kepulauan Borneo.

5. METODOLOGI PENYELIDIKAN

5.1 Kaedah Kepustakaan

5.2 Kaedah Kajian Lapangan (Temu bual/Rakaman/Pemerhatian)

6. KEPENTINGAN PROJEK

6.1 Pengabsahan identiti dan nilai-nilai keBruneian.

6.2 Menanam semangat kecintaan dan kepunyaan khazanah pantun Melayu Brunei.

6.3 Memperkasa keunikan dan kepentingan pantun Melayu Brunei dalam kehidupan.

6.4 Menjadi nilai tambah dan bahan rujukan dalam penyebaran ilmu.

6.5 Merealisasikan penubuhan hub dokumentasi dan rujukan pantun Melayu Borneo.

7. KAJIAN LEPAS/TINJAUAN LITERATUR (*LITERATURE REVIEW*)

7.1 Kajian dan Himpunan Pantun Melayu Brunei Darussalam, sebuah kajian Haji Zainulabidin Awang Bungsu (2008) meneroka pantun Melayu Brunei berdasarkan beberapa aspek, iaitu; (1) Jenis dan ciri pantun Melayu Tradisional Brunei, (2) Klasifikasi pantun Melayu Tradisional Brunei, (3) Fungsi dan penyebaran pantun-pantun Melayu Brunei dalam masyarakat tradisional dan masa kini, (4) Nilai estetik pantun Melayu Tradisional Brunei berdasarkan pendekatan gaya dalam puisi, dan (5) Himpunan pantun Melayu Brunei.

7.2 Untuk mencapai matlamat kajian tersebut, data-data diperolehi daripada majalah Bahana, akhbar Pelita Brunei, Berita Muzium, temu bual dan pengamatan informan dari Daerah Brunei dan Muara serta sebahagian dari Daerah Tutong. Hasil daripada analisis data-data yang diperolehi, Haji Zainulabidin Awang Bungsu (2008) telah mendapati pantun Melayu Tradisional Brunei adalah seperti berikut:

7.2.1 Dari aspek jenis dan ciri, pantun Melayu Tradisional Brunei umumnya adalah sama seperti apa yang ada pada pantun Melayu. Walau bagaimanapun, terdapat perbezaan yang ketara dalam pantun Melayu Brunei, iaitu penggunaan dialek Melayu Brunei. Malah, dalam kajian ini ada menyebutkan bahawa "Tetapi dalam percakapan sehari-hari orang Brunei berkomunikasi dengan menggunakan bahasa Melayu dialek Brunei dan suatu hal yang menarik penggunaan bahasa Melayu Brunei bukan sahaja di negara ini malah boleh

dikatakan meliputi hampir seluruh daerah pesisiran pantai Teluk Brunei” (Haji Zainulabidin Awang Bungsu, 2008:115).

7.2.2 Berdasarkan isi dan tema, pantun Melayu Tradisional Brunei dapatlah diklasifikasikan kepada pantun Agama, Pantun Sejarah, Pantun Nasihat, Pantun Sosial dan Moral, Pantun Kasih, Pantun Mantera (baca-bacaan) dan Pantun Kanak-Kanak.

7.2.3 Berkaitan dengan gaya, pantun tradisional didapati terikat dengan peraturan yang mesti dipatuhi misalnya menuntut semukur, imbangan antara perkataan, kesesuaian antara pasangan kuplet pembayang dengan maksud, kedudukan baris yang sejajar, baris rangkap dan bunyi berirama untuk mendapatkan kesempurnaan, keharmonian dan keindahan pantun.

7.2.4 Pantun Melayu Tradisional Brunei digunakan dalam (1) komunikasi seperti adat istiadat, kepercayaan tradisional dan memuja, catatan sejarah, ucapan dan puisi moden; (2) hiburan seperti lagu Melayu Brunei asli, tarian dan mukun; (3) kegiatan-kegiatan yang berunsur agama dan pendidikan seperti lagu asli Melayu Brunei yang bercampur bahasa Melayu dan Arab, nasyid dan hadrah.

7.3 Sementara itu, kajian terhadap pantun Melayu Brunei juga telah dikemukakan oleh Dr. Harun Mat Piah (2005) dalam kertas kerja beliau, *Pantun dalam Menyerlahkan Persepsi Masyarakat: Dengan Penumpuan kepada Pantun Brunei dan Masyarakat Brunei*. Mendasarkan pantun Brunei sebagai data, kajian ini menginterpretasikan persepsi masyarakat Brunei terhadap kehidupan mereka termasuk peribadi dan jati diri, bangsa, negara, agama, politik, ekonomi dan sosial. Sekitar 2,500 rangkap pantun sebagai data, diambil daripada bahan dasar, iaitu *Lanang Beladu Lanang: Pengantar dan Koleksi Pantun Brunei* (2001), Koleksi Pantun Brunei Darussalam yang dipetik daripada dalam *Koleksi Karya Agung: Pantun Melayu Bingkisan Permata* (2001) dan Koleksi Pantun Brunei Darussalam (Koleksi penulis). Hasil penganalisan beliau, masyarakat Brunei menjadikan pantun Melayu Brunei sebagai laluan untuk mengungkapkan persepsi mereka tentang kehidupan mereka. Dr. Harun Mat Piah (2005) telah merangkumkan persepsi tersebut kepada beberapa, iaitu persepsi mengenai,

7.3.1 Kesedaran dan jati diri sebagai orang Brunei,

7.3.2 Merealisasikan nilai-nilai Islam sebagai prinsip kehidupan.

7.3.3 Terhadap pemerintah, raja dan institusi beraja,

7.3.4 Nostalgia terhadap zaman gemilang,

7.3.5 Menyesali dan meratapi kemegahan yang hilang,

7.3.6 Kebijaksanaan dan kepicikan dalam persepsi masyarakat,

- 7.3.7 Menjaga maruah dan harga diri,
- 7.3.8 Mengelakkan diri dari malu,
- 7.3.9 Sedia berkorban walau nyawa jadi taruhan,
- 7.3.10 Menyimpan azam dan dendam untuk menebus kegagalan,
- 7.3.11 Orang Brunei sebagai orang pelayaran,
- 7.3.12 Mempunyai moral dan akhlak mulia,
- 7.3.13 Membalas kebaikan dengan kebaikan,
- 7.3.14 Maruah diri, keluarga dan bangsa.

7.4 Lokman Abdul Samad (2009) dalam *Tradisi Pantun Suku Brunei di Sabah* telah mengemukakan secara ringkas mengenai pantun-pantun orang Brunei di Sabah. Menurutnya, suku kaum Brunei yang dikenali sebagai orang Barunai di Sabah itu sebahagian besarnya mendiami kawasan pantai barat Sabah yang meliputi kawasan Sindumin, Sipitang, Weston, Menumbok, Binsulok, Pimping, Membakut, Bongawan, Papar dan Kota Kinabalu.

7.4.1 Dalam kajian itu juga, Lokman Abdul Samad (2009) ada menyatakan bahawa pantun hanya boleh didengar pada majlis-majlis perkahwinan antaranya di Binsulok, Bongawan dan Membakut. Beliau menyarankan ada suatu usaha wajar dilakukan bagi memastikan pantun Melayu Brunei di Sabah tidak hilang begitu sahaja.

7.4.2 Pantun Melayu Brunei di Sabah dianalisis berdasarkan pantun yang diperolehi daripada beberapa orang informan dari Bongawan, Papar dan Menumbok. Melalui data tersebut, pengkaji telah menilai dan meneroka pantun Melayu Brunei di Sabah itu dari aspek tema, ciri-ciri dan peranan pantun dalam masyarakat Melayu Brunei di Sabah.

7.4.3 Hasilnya, pantun Melayu Brunei di Sabah itu antaranya bertemakan pantun kasih sayang, pantun jenaka, pantun kanak-kanak, pantun ibarat dan sindiran, pantun nasihat, pantun teka-teki, pantun politik, pantun agama, pantun tempat dan pantun erotik. Manakala, ciri-ciri pantun Melayu Brunei di Sabah dilihat daripada aspek bait dan rangkap, pembayang/sampiran dan maksud, suku kata dan bilangan perkataan, rima akhir dan bilangan baris pantun serta jeda.

7.4.4 Peranan pantun dalam masyarakat Melayu Brunei di Sabah antaranya berfungsi sebagai gambaran masyarakat Melayu Brunei daripada aspek sosiobudaya, persekitaran kehidupan mereka; alat komunikasi intelek dalam upacara dan adat; curahan hati; dan alat didaktik sebeagai panduan, nasihat, tunjuk ajar dan sindiran.

7.5 Melalui tiga buah kajian di atas, memang ada kajian terhadap pantun Melayu Tradisional Brunei. Kajian Pantun dan Himpunan Pantun Melayu Brunei Darussalam (2008) secara dasarnya telah membuka ruang kepada penyelidik untuk mengetahui pantun Melayu Brunei Darussalam. Dalam Pantun dalam Menyerlahkan Persepsi Masyarakat: Dengan Penumpuan kepada Pantun Brunei dan Masyarakat Brunei (2005) telah menggunakan pantun Brunei untuk meninjau persepsi masyarakat terhadap kehidupan mereka. Sementara Tradisi Pantun Suku Brunei di Sabah (2009), dapatan kajian yang diperolehi mungkin boleh menjadi dasar panduan untuk mengenal pasti penyebaran pantun Melayu Brunei di pesisir Pantai Teluk Brunei.

7.6 Walau bagaimanapun, didapati masih belum ada kajian yang lengkap dan empirikal yang boleh membantu untuk mengetahui dan mengenal pasti penyebaran pantun-pantun Melayu Brunei di Kepulauan Borneo.

8. CIRI PANTUN MELAYU BRUNEI

8.1 Salah satu ciri pantun Melayu Brunei itu adalah dengan melihat **identiti pantun Brunei itu sendiri**. Contoh pantun Melayu Brunei yang mencerminkan keBruneian itu adalah seperti berikut:

*Pukul canang tiup serunai,
Raja berangkat tanah subarang;
Aduhai malang si burung punai,
Buah masak ditanggung helang.*

Pantun di atas memperlihatkan unsur budaya Brunei dengan permainan alat tradisi Melayu terutama dalam alat kebesaran di raja iaitu canang dan serunai. Canang merupakan salah satu alat yang terkandung di dalam "Gendang Jaga-jaga" manakala serunai merupakan salah satu alat yang terkandung dalam "Naubat". Perkara ini mempunyai hubung kait dengan ciri Raja, pada lazimnya keberangkatan raja-raja zaman dahulu diiringi dengan bunyi-bunyian alat kebesaran di raja.

*Dari jauh ular berenang,
Dari Butir Karang Berbunga;
Dulu kan jauh tuan terkenang,
Daulu ampir inda berguna.*

'Butir' dan 'Karang Berbunga' itu merupakan tempat pada suatu ketika dahulu yang wujud di Negara Brunei Darussalam.

*Pulau Cermin nampak muktabar,
Nampak dari air bekunci;
Tujuh tukang membuat gambar,*

Gambar sudah tukang kumati.

Pantun ini lahir sewaktu Sultan Bolkiah mangkat. Dirwayatkan oleh orang tua-tua, apabila Sultan Bolkiah mangkat telah didatangkan tujuh tukang dari Jawa. Apabila sudah rangka Sultan Bolkiah itu dibuat oleh tujuh tukang, tujuh tukang itu dibunuh. Berdasarkan kajian, mereka dibunuh supaya tukang ini tidak menceritakannya kepada negeri mereka bahawa Sultan Bolkiah sudah lindung. Jikalau disampaikan bahawa Sultan Bolkiah lindung, negeri taklukan Brunei itu akan berpisah.

*Sayang Berunai habis berangkat
Tinggal kadayan menunggu negeri*

Bila pantun ini wujud? Berdasarkan kajian, pantun ini wujud ketika perang saudara yang melibatkan dua sultan, iaitu satu di Pulau Cermin dan satu lagi iaitu pulau di bandar. Orang Brunei yang menyokong Sultan Abdul Momin berangkat ke Pulau Cermin.

9. SENARAI PANTUN MELAYU BRUNEI YANG DITERBITKAN

9.1 Ada beberapa buah buku dan majalah yang memuatkan pantun-pantun Melayu Brunei yang telah diterbitkan di peringkat kebangsaan dan ASEAN, iaitu:

BUKU	
1.	<i>Naindong</i> . 1980. Bandar Seri Begawan: Dewan Bahasa dan Pustaka.
2.	<i>Kikik Serbang Merah: 16 Buah Lagu Kanak-kanak</i> . 1980. Bandar Seri Begawan: Dewan Bahasa dan Pustaka.
3.	<i>Daup-daup Bapa</i> . 1985. Bandar Seri Begawan: Dewan Bahasa dan Pustaka.
4.	<i>Pengantar Sastera Lama Brunei</i> . 1989. Bandar Seri Begawan: Dewan Bahasa dan Pustaka.
5.	<i>Antologi Sastera ASEAN: Warisan Puisi Melayu Brunei</i> . 1991. Bandar Seri Begawan: The ASEAN Committee On Culture and Information.
6.	<i>Lanang Beladu Lanang: Pengantar & Koleksi Pantun Brunei</i> . 2001. Bandar Seri Begawan: Universiti Brunei Darussalam.
7.	<i>Kajian dan Himpunan Pantun Melayu Brunei Darussalam</i> . 2008. Bandar Seri Begawan: Dewan Bahasa dan Pustaka.
8.	<i>Koleksi Lagu Tradisional Brunei</i> . 2009. Bandar Seri Begawan: Dewan Bahasa dan Pustaka.
9.	<i>Budaya Perkahwinan Etnik Melayu Di Brunei Darussalam</i> . 2015. Bandar Seri Begawan: Dewan Bahasa dan Pustaka.
10.	<i>Ranik Daun Sarunai Dasu Merah Kasumba</i> , Persatuan Masyarakat Brunei Sabah (PMBS).
MAJALAH MEKAR	
11.	Pak Haji Kadir, "Pantun Brunei", Bil. 306, him. 43, Mac 1983.

12.	Pak Haji Kadir, "Pantun Brunei", Bil. 307, hlm. 11, April 1983.
MAJALAH BAHANA	
1.	Pak Haji Kadir, "Pantun-pantun Melayu Brunei" Bil. 38, Jil. 19, hlm. 16, Januari 1984
2.	Pak Haji Kadir, "Pantun-pantun Melayu Brunei" Bil. 39, Jil. 19, hlm. 42, Februari 1984.
3.	Pak Haji Kadir, "Pantun Melayu Brunei" Bil. 40, Jil. 19, hlm. 41, Mac 1984.
4.	Pak Haji Kadir, "Pantun-pantun Melayu Brunei" Bil. 41, Jil. 19, hlm. 40, April 1984.
5.	Pak Haji Kadir, "Pantun-pantun Melayu Brunei" Bil. 42, Jil. 19, hlm. 36, Mei 1984.
6.	Pak Haji Kadir, "Pantun-pantun Melayu Brunei" Bil. 43, Jil. 19, hlm. 15, Jun 1984.
7.	Pak Haji Kadir, "Pantun-pantun Melayu Brunei" Bil. 44, Jil. 19, hlm. 41, Julai 1984.
8.	Pak Haji Kadir, "Pantun-pantun Melayu Brunei" Bil. 45, Jil. 19, hlm. 40, Ogos 1984.
9.	Pak Haji Kadir, "Pantun-pantun Melayu Brunei" Bil. 46, Jil. 19, hlm. 8, September 1984.
10.	Pak Haji Kadir, "Pantun-pantun Melayu Brunei" Bil. 47, Jil. 19, hlm. 17, Oktober 1984.
11.	Pak Haji Kadir, "Pantun-pantun Melayu Brunei" Bil. 48, Jil. 19, hlm. 43, November 1984.
12.	Pak Haji Kadir, "Pantun-pantun Melayu Brunei" Bil. 49, Jil. 19, hlm. 22, Disember 1984.
13.	Pak Haji Kadir, "Pantun-pantun Melayu Brunei" Bil. 50, Jil. 20, hlm. 9, Januari 1985.
14.	Pak Haji Kadir, "Pantun-pantun Melayu Brunei" Bil. 51, Jil. 20, hlm. 10, Februari 1985.
15.	Pak Haji Kadir, "Pantun-pantun Melayu Brunei" Bil. 52, Jil. 20, hlm. 16, Mac 1985.
16.	Pak Haji Kadir, "Pantun-pantun Melayu Brunei" Bil. 53, Jil. 20, hlm. 19, April 1985.
17.	Pak Haji Kadir, "Pantun-pantun Melayu Brunei" Bil. 54, Jil. 20, hlm. 10, Mei 1985.
18.	Pak Haji Kadir, "Pantun-pantun Melayu Brunei" Bil. 55, Jil. 20, hlm. 16, Jun 1985.
19.	Pak Haji Kadir, "Pantun-pantun Melayu Brunei" Bil. 56, Jil. 20, hlm. 47, Julai 1985.
20.	Pak Haji Kadir, "Pantun-pantun Melayu Brunei" Bil. 38, Jil. 19, hlm. 16, Januari 1984
21.	Pak Haji Kadir, "Pantun-pantun Melayu Brunei" Bil. 39, Jil. 19, hlm. 42, Februari 1984.
22.	Pak Haji Kadir, "Pantun Melayu Brunei" Bil. 40, Jil. 19, hlm. 41, Mac 1984.
23.	Pak Haji Kadir, "Pantun-pantun Melayu Brunei" Bil. 41, Jil. 19, hlm. 40, April 1984.
24.	Pak Haji Kadir, "Pantun-pantun Melayu Brunei" Bil. 42, Jil. 19, hlm. 36, Mei 1984.
25.	Pak Haji Kadir, "Pantun-pantun Melayu Brunei" Bil. 43, Jil. 19, hlm. 15, Jun 1984.
26.	Pak Haji Kadir, "Pantun-pantun Melayu Brunei" Bil. 44, Jil. 19, hlm. 41, Julai 1984.
27.	Pak Haji Kadir, "Pantun-pantun Melayu Brunei" Bil. 45, Jil. 19, hlm. 40, Ogos 1984.
28.	Pak Haji Kadir, "Pantun-pantun Melayu Brunei" Bil. 46, Jil. 19, hlm. 8, September 1984.
29.	Pak Haji Kadir, "Pantun-pantun Melayu Brunei" Bil. 47, Jil. 19, hlm. 17, Oktober 1984.
30.	Pak Haji Kadir, "Pantun-pantun Melayu Brunei" Bil. 48, Jil. 19, hlm. 43, November 1984.
31.	Pak Haji Kadir, "Pantun-pantun Melayu Brunei" Bil. 49, Jil. 19, hlm. 22, Disember 1984.
32.	Pak Haji Kadir, "Pantun-pantun Melayu Brunei" Bil. 50, Jil. 20, hlm. 9, Januari 1985.
33.	Pak Haji Kadir, "Pantun-pantun Melayu Brunei" Bil. 51, Jil. 20, hlm. 10, Februari 1985.
34.	Pak Haji Kadir, "Pantun-pantun Melayu Brunei" Bil. 52, Jil. 20, hlm. 16, Mac 1985.

35.	Pak Haji Kadir, "Pantun-pantun Melayu Brunei" Bil. 53, Jil. 20, hlm. 19, April 1985.
36.	Pak Haji Kadir, "Pantun-pantun Melayu Brunei" Bil. 54, Jil. 20, hlm. 10, Mei 1985.
37.	Pak Haji Kadir, "Pantun-pantun Melayu Brunei" Bil. 55, Jil. 20, hlm. 16, Jun 1985.
38.	Pak Haji Kadir, "Pantun-pantun Melayu Brunei" Bil. 56, Jil. 20, hlm. 47, Julai 1985.
39.	Nenek Mayang, "Pantun-pantun Melayu Brunei" Bil. 57, Jil. 20, hlm. 48, Ogos 1985.
40.	Nenek Mayang, "Pantun-pantun Melayu Brunei" Bil. 58, Jil. 20, hlm. 48, September 1985.
41.	Nenek Mayang, "Pantun-pantun Melayu Brunei" Bil. 59, Jil. 20, hlm. 48, Oktober 1985.
42.	Nenek Mayang, "Pantun-pantun Melayu Brunei" Bil. 60, Jil. 20, hlm. 45, November 1985.
43.	Nenek Mayang, "Pantun-pantun Melayu Brunei" Bil. 61, Jil. 20, hlm. 39, Disember 1985.
44.	Nenek Mayang, "Pantun-pantun Melayu Brunei" Bil. 62, Jil. 21, hlm. 44, Januari 1986.
45.	Nenek Mayang, "Pantun-pantun Melayu Brunei" Bil. 63, Jil. 21, hlm. 34, Februari 1986.
46.	Nenek Mayang, "Pantun-pantun Melayu Brunei" Bil. 64, Jil. 21, hlm. 25, Mac 1986.
47.	Nenek Mayang, "Pantun-pantun Melayu Brunei" Bil. 65, Jil. 21, hlm. 34, April 1986.
48.	Nenek Mayang, "Pantun-pantun Melayu Brunei" Bil. 66, Jil. 21, hlm. 17, Mei 1986.
49.	Nenek Mayang, "Pantun-pantun Melayu Brunei" Bil. 67, Jil. 21, hlm. 41, Jun 1986.
50.	Nenek Mayang, "Pantun-pantun Melayu Brunei" Bil. 68, Jil. 21, hlm. 18, Julai 1986.
51.	Nenek Mayang, "Pantun-pantun Melayu Brunei" Bil. 69, Jil. 21, hlm. 15, Ogos 1986.
52.	Nenek Mayang, "Pantun-pantun Melayu Brunei" Bil. 70, Jil. 21, hlm. 17, September 1986.
53.	Nenek Mayang, "Pantun-pantun Melayu Brunei" Bil. 72, Jil. 21, hlm. 38, November 1986.
54.	Nenek Mayang, "Pantun-pantun Melayu Brunei" Bil. 73, Jil. 21, hlm. 29, Disember 1986.
55.	Nenek Mayang, "Pantun-pantun Melayu Brunei" Bil. 74, Jil. 22, hlm. 9, Januari 1987.
56.	Nenek Mayang, "Pantun-pantun Melayu Brunei" Bil. 75, Jil. 22, hlm. 6, Februari 1987.
57.	Nenek Mayang, "Pantun-pantun Melayu Brunei" Bil. 76, Jil. 22, hlm. 16, Mac 1987.
58.	Nenek Mayang, "Pantun-pantun Melayu Brunei" Bil. 77, Jil. 22, hlm. 42, April 1987.
59.	Nenek Mayang, "Pantun-pantun Melayu Brunei" Bil. 78, Jil. 22, hlm. 41, Mei 1987.
60.	Nenek Mayang, "Pantun-pantun Melayu Brunei" Bil. 79, Jil. 22, hlm. 47, Jun 1987.
61.	Nenek Mayang, "Pantun-pantun Melayu Brunei" Bil. 80, Jil. 22, hlm. 48, Julai 1987.
62.	Nenek Mayang, "Pantun-pantun Melayu Brunei" Bil. 81, Jil. 22, hlm. 47, Ogos 1987.
63.	Nenek Mayang, "Pantun-pantun Melayu Brunei" Bil. 82, Jil. 22, hlm. 14, September 1987.
64.	Nenek Mayang, "Pantun-pantun Melayu Brunei" Bil. 83, Jil. 22, hlm. 16, Oktober 1987.
65.	Nenek Mayang, "Pantun-pantun Melayu Brunei" Bil. 84, Jil. 22, hlm. 41, November 1987.
66.	Nenek Mayang, "Pantun-pantun Melayu Brunei" Bil. 85, Jil. 22, hlm. 47, Disember 1987.

9.2 Buku *Lanang Beladu Lanang* telah menghimpunkan sebanyak 1316 buah pantun Melayu Brunei.

Buku ini merupakan hasil kerja penyelidikan Dr. Haji Hashim bin Haji Abdul Hamid. Beliau telah menelesuri dan menjejaki pantun Melayu Brunei di negara ini termasuk kawasan Limbang dan

Lawas. Antara pantun Melayu Brunei dalam buku tersebut yang mencerminkan ciri-ciri pantun Brunei:

*Ada seorang anak Brunei,
Turun ke taman bermain tinting;
Seekor helang seekor punai,
Cuba hilangkan bisa di daging.*

*Ada seorang anak Brunei,
Naik tamuai tuju muara;
Jangan menyusun arus di sungai,
Takut tersadai karang kuala.*

*Pulau Bedukang nampak muktabar,
Dipandang jauh arap gergati;
Tujuh tukang memeta gambar,
Gambar sudah tukang pun mati.*

*Pulau Chermin ayingnya jemih,
Tempat menyelam karang-karangan;
Orang tinggal merasa sedih,
Akan dilupa kenang-kenangan.*

*Pulau Chermin meruku-ruku,
Bangkita aying tumbuh suburnya;
Tangaki cermin lekat di kuku,
Kita bermain sama mudahnya.*

9.3 ASEAN-COCI juga turut sama menghasilkan penerbitan *Antologi Sastera ASEAN: Warisan Puisi Melayu Brunei* yang memuatkan pantun-pantun Melayu Brunei yang diberigakan di peringkat ASEAN, antaranya:

*Kapal balarai dari Surati,
membawa gulaian kubis;
Iman dituntut dibawa mati,
harta dicari sajakan habis.*

*Sekapal berduyung-duyung,
Dkitaruh dalam celapa;
Bukan adat turun-temurun,
memalukan indung dan bapa.*

*Menarik buah biabas,
berulami ikan sumbling;
bunga harum lagi libas,
budi perangai indakan ilang.*

*Kudidi burung kudidi,
hinggap seekor ke dalam gua;
orang berbudi dibalas budi,
kasih sayang dibalas jua.*

9.4 Bahagian Penyelidikan, Dokumentasi dan Pengiktirafan juga sedang mengungkapkahkan Penyelidikan Pantun Melayu Brunei di Negara Brunei Darussalam. Tim Penyelidik telah menjalankan penyelidikan di Daerah Temburong pada tahun 2016 dan Daerah Tutong pada tahun 2017-2018 serta sedang menjalankan di Daerah Brunei dan Muara; dan akan melaksanakan di Daerah Belait bermula bulan Januari 2019. Dapatan-dapatan yang diperoleh akan diterbitkan selepas kerja-kerja penelitian. Penerbitan pantun-pantun Melayu Brunei di Negara Brunei Darussalam dan Kepulauan Borneo merupakan **salah satu projek terbesar yang menghimpunkan pantun-pantun Melayu Brunei (dapatan data) dalam kuantiti yang lebih luas.** (Laporan Kerja Penyelidikan Pantun Melayu Brunei di keempat-empat daerah, Brunei Darussalam – Lampiran 1)

10. RANCANGAN JADUAL KERJA

10.1 Kerja-kerja penyelidikan akan dilakukan dalam lima fasa, iaitu:

10.1.1 Fasa Pertama

Mengumpul pantun-pantun yang telah didokumentasi sama ada yang telah diterbitkan dalam bentuk buku, majalah, surat khabar atau media digital di dalam dan luar negeri.

10.1.2 Fasa Kedua

Dalam fasa kedua, penyelidikan dilakukan di keempat-empat daerah Negara Brunei Darussalam.

10.1.3 Fasa Ketiga

Dalam fasa kedua, penyelidikan dilakukan di Negeri Sabah meliputi kawasan yang dipercayai penduduknya terdiri daripada masyarakat Melayu Brunei antaranya Papar, Sindumin, Marapok, Manumbok, Binsulok, Sipitang, Kudat, Kimanis, Karambunai, Mambakut, Masapol dan Beaufort serta Wilayah Persekutuan Labuan.

- a. Projek Pemetaan Pantun Melayu Brunei Penyebarannya Di Kepulauan Borneo (Negeri Sabah), 27 Ogos 2018 sehingga 2 September 2018 - **Lampiran 2**.
- b. Projek Penyelidikan Pantun Melayu Brunei Penyebarannya Di Kepulauan Borneo (Negeri Sabah), 05 November 2018 sehingga 11 November 2018.
Projek ini terpaksa ditangguhkan atas arahan Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.
- c. Penyelidikan Pantun Melayu Brunei Penyebarannya Di Kepulauan Borneo (Negeri Sabah) Zon B, 8 April 2019 – 14 April 2019;

10.1.4 Fasa Keempat

Dalam fasa ketiga, penyelidikan dilakukan di Negeri Sarawak meliputi kawasan yang dipercayai penduduknya terdiri daripada masyarakat Melayu Brunei antaranya Lawas, Limbang, Terusan, Punang, Sundar, Miri, Baram, Mukah, Bekenu, Bintulu, Sibuti dan Kuching.

10.1.5 Fasa Kelima

Dalam fasa keempat, penyelidikan dilakukan di Kalimantan meliputi kawasan yang dipercayai penduduknya terdiri daripada masyarakat Melayu Brunei antaranya Pontianak, Sambas, Samarinda, Balikpapan, Kutai dan Banjarmasin.

11. RANCANGAN JANGKA PANJANG

11.1 Sebagai persiapan awal rancangan kerja seterusnya:

11.1.1 Festival Pantun Melayu Brunei sempena Jubli Intan DBP, 2021

a. Seminar/Kolokium Mencirikan Pantun Melayu Brunei

Cadangan Pemakalah:

1. Dr. Haji Hashim bin Haji Abd. Hamid – Sukut dan Alam
2. Ampuan Dr Haji Brahim bin Ampuan Haji Tengah– Falsafah Melayu
3. Dr Maslin bin Haji Jukin – Sosio-budaya orang Brunei
4. Suip bin Haji Abdul Wahab – Baca-bacaan (Alam dan Persekitaran)
5. Haji Saat bin Awang Damit (Sabah)

- 6. Sabah
- 7. Sarawak
- 8. Sarawak

- b. Pesta Mukun SeBorneo
- c. Dondang
- d. Pertandingan Berbalas Pantun

11.1.2 Penerbitan Koleksi Pantun Melayu Brunei, 2023.

12. INTAGIBLE CULTURAL HERITAGE LIST DI BAWAH UNESCO

12.1 Sejalan dengan objektif penyelidikan ini adalah untuk menjadikan **Negara Brunei Darussalam sebagai hub dokumentasi dan rujukan Pantun Melayu Brunei**, maka hasil penyelidikan ini sangat diperlukan sebagai “data lengkap” untuk mengusulkan warisan “Pantun Melayu Brunei” ke *United Nation Educational, Scientific and Cultural Organization* (UNESCO) untuk disenaraikan dalam Intangible Cultural Heritage List, sebagai langkah usaha untuk melindungi, melestarikan dan mempromosikan pantun Melayu Brunei.

12.2 Diakui bahawa Menyenaraikan Pantun Melayu Brunei dalam Intangible Cultural Heritage List di bawah UNESCO akan memberikan impak positif kepada negara antaranya, menjana perekonomian negara melalui industri pelancongan (khususnya memperkenalkan warisan Brunei) dan kepunyaan hak negara itu tetap terpelihara.

12.3 Mengusulkan warisan “Pantun Melayu Brunei” dirancang pelaksanaannya pada tahun 2021, iaitu selepas Festival Pantun Melayu Brunei sempena Jubli Intan DBP dilaksanakan. Festival ini akan diungkayahkan pada tahun 2021 dengan pengisian-pengisian seperti Seminar Mencirikan Pantun Melayu Brunei, Pesta Mukun, *Dundang* dan Pertandingan Berbalas Pantun. Pelaksanaan Festival ini merupakan salah satu strategi bagi menguatkan lagi usulan “Pantun Melayu Brunei” tersenarai dalam Intangible Cultural Heritage List.

13. PEMBANGUNAN EKONOMI DAN KEWANGAN

13.1 Pantun itu diibaratkan sebagai nadi penyambung yang mencerminkan kearifan lokal bangsa Brunei. Dalam tradisi Brunei dahulu, acara berpantun lazimnya disebut *berdundang*, selain itu ada juga pantun-pantun dibawakan dalam lagu-lagu asli Brunei. *Berdundang* merupakan majlis berbalas pantun menggunakan alat gendang lazimnya *digual* oleh pihak perempuan (Dr. Haji Hashim, 2001: 3). Maka, usaha tradisi berpantun *berdundang* orang Brunei harus dihidupkan kembali kerana tradisi ini mengandungi unsur “memantuni” nilai berpantun orang Brunei (Dr. Haji Hashim, 2018).

13.2 Pantun ber*dundang* orang Brunei dapat dijadikan sebagai satu profesion yang mampu menjana ekonomi negara terutamanya dalam industri pelancongan. Pemain industri kreatif (*pendundang*) berpeluang menjadikan bidang pantun sebagai sumber pendapatan individu, kumpulan atau pun syarikat dan seterusnya, mampu menjadi sumber pendapatan negara.

14. KESIMPULAN - KEPENTINGAN PANTUN MELAYU DAN NILAI BUDAYA

14.1 Pantun merupakan salah satu identiti orang Melayu Brunei. Nilai sesebuah pantun berserta pulangan atau keuntungan mengutip pantun belum dapat diukur pada masa ini. Namun, pantun amat penting dan berguna sebagai khazanah untuk generasi kita pada masa akan datang.

14.2 Kedudukan Politikai Geografi, bahawa budaya itu tidak mempunyai sempadan, selagi ada orang Brunei yang menetap di Sabah, di situlah adanya budaya orang Brunei. Mengumpul pantun bukanlah berdasarkan isu politikai tetapi semata-mata kerana hubungan budaya antara orang Brunei di Brunei dan orang Brunei yang tinggal di Sabah.

14.3 Mengumpul pantun merupakan salah satu usaha murni dalam sama-sama menghargai cultural memories yang telah ditinggalkan oleh orang tua-tua dan akan menjadi ristaan sebagai identiti orang Brunei.

14.4 Pada suatu ketika dahulu, Negeri Sabah dan Sarawak dan pesisirnya mempunyai rumpun yang sama dengan Negara Brunei Darussalam. Maka pantun sebagai budaya yang bernilai akan menjadi warisan. Orang Brunei mempunyai rasa kesepunyaan budaya, tuturan dan adat resam. Justeru, pantun dikumpul atas dasar kesepunyaan. Malah hubungan yang masih wujud pada masa ini ialah hubungan persaudaraan yang masih kukuh. Jika pantun-pantun ini tidak dikumpul pada masa ini tidak mustahil pantun ini akan diperakui oleh orang Sabah yang bukan berasal dari Brunei.

14.5 Bila pantun-pantun selesai dikumpul ia akan menjadi nilai budaya warisan yang tinggi dan menggambarkan bahawa pantun adalah pengucapan tradisi yang mengandungi falsafah hidup, adat resam, kepercayaan, persaudaraan, kecintaan kepada alam, tamsil ibarat dan kerukunan hidup bermasyarakat.

14.6 Perlu difahami sesebuah negara yang bertamadun haruslah memenuhi, memiliki dan memelihara tiga ciri utama dalam menegakkan negara bangsa, iaitu pertama, memiliki pengucapan sebagai identiti jati diri, iaitu pengucapan ini seperti pertuturan bahasa, sastera lisannya dan dalam kontek ini pantun sebagai sastera lisan yang tertua dan milik orang Melayu. Kedua, kelahiran ilmu tulisan (karya tulisan seperti Syair Rakis, salasilah raja-raja Brunei dan lain-

lain) dan ciri ketiga ialah, menegakkan unsur kepercayaan (agama dan mempunyai adat istiadat yang melambangkan adab dan peradaban bangsa).

14.7 Maka itu, ciri pertama di atas, iaitu mengkoleksi dan mengumpulkan pantun adalah sebagai langkah positif untuk mengkompilasi pengucapan tradisi orang-orang Brunei itu.

BIBLIOGRAFI

